

**Formula Ar Rahman (Pemurah) dan Ar Rahim (Kasih Sayang):  
Kajian Rintis Persepsi Pelajar Ketika Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Terdapat Pensyarah Baik dan Garang.**

**Muhammad Remy Othman** (Corresponding author)  
Pensyarah II, Mata Pelajaran Umum, INTI International College Subang,  
No. 3, Jalan SS15/8, 47500 Subang Jaya, Selangor.  
remy.othman@newinti.edu.my

**Abdul Rahim Othman**  
Penolong Pengarah Bahagian Sains Dakwah, Jabatan Pembangunan In-  
san, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), Jabatan  
Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).  
rahimothman@islam.gov.my

**Sayidah Asma Basir**  
Pensyarah, Department of Business Studies, HELP University's (HU)  
Subang 2 campus, HELP University and Colleges, Selangor  
sayidah@help.edu.my

**Amin Che Ahmat**  
Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti  
Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah  
Road, Perak Malaysia.  
amin132@uitm.edu.my

**Mohd Afifuddin Mohamad**  
Pensyarah, Kluster Sains Gaya Hidup Sihat, Institut Perubatan dan Pergi-  
gian Termaju (IPPT), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang  
afifuddin@usm.my

**Abstrak**

Pendidikan merupakan teras utama dalam membina peradaban sesebuah negara. Pengajaran dan pembelajaran (PDP) yang berkesan menjadi asas utama dalam melahirkan modal insan. Bagi memastikan keberkesanan PDP, pelbagai pendekatan digunakan oleh pendidik antara

membina hubungan komunikasi dengan pelajar. Pendekatan ini memerlukan sifat penyayang, pemurah dan penyabar dalam diri pendidik. Maka, objektif kajian ini ialah mengkaji penerimaan pendekatan sifat pemurah dan penyayang dalam pengajaran dan pembelajaran berbanding sifat yang garang. Kajian rintis ini menggunakan pendekatan kuantitatif melibatkan seramai 150 pelajar diploma di IPT. Analisis data yang diperolehi dianalisis kebolehpercayaan soal selidik menggunakan Program Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 17.0. dan ditafsirkan dengan bantuan diagram. Analisis SPSS nilai Croanbach's Alpha ialah 0.952 menunjukkan Kebolehpercayaan soal selidik yang tinggi. Hanya 9 pelajar memilih pensyarah garang berbanding 141 pelajar memilih pensyarah yang baik dalam sesi PDP.

**Kata kunci:** Kasih Sayang, Sabar, Garang, Soal Selidik, Pelajar, Pensyarah.

### **Pendahuluan**

Insan yang cemerlang diukur daripada budi akhlaknya. Pendidikan merupakan teras utama dalam pembentukan insan yang cemerlang. Bermula dari kandungan ibu hinggalah ia memasuki alam persekolahan; pra-sekolah, rendah, menengah, pra-universiti dan pengajian tinggi. Nilai-nilai murni diterapkan dan digarapkan kepada para pelajar bertepatan dengan rukun negara Malaysia yang kelima, iaitu kesopanan dan kesusilaan. Prinsip ini adalah untuk menjadikan rakyat Malaysia mempunyai nilai akhlak yang tinggi. Apabila berbicara tentang akhlak, modul-modul di sekolah rendah dan menengah telah mewajibkan pelajarannya untuk mengikuti subjek matapelajaran pengajian Islam khusus kepada pelajar Islam dan pendidikan moral diajar kepada pelajar bukan Islam. Bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar nilai-nilai murni sejak dari awal lagi.

Di peringkat tinggi pula, Mata Pelajaran Umum diperkenalkan berdasarkan pekeliling Pengurusan Pengajian Tinggi Swasta (PPTS), penyelarasan kursus Mata Pelajaran Wajib (MPW) di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seluruh Malaysia. Di dalam surat pekeliling bilangan 2 tahun 2013, telah memutuskan MPW digantikan dengan Mata Pelajaran Umum (MPU) bagi menyeragamkan pengajaran kursus wajib di IPTA dan IPTS bagi keperluan pelajar tempatan dan antarabangsa. Kursus ini dibahagikan kepada 4 peringkat iaitu U1, U2, U3 dan U4 yang merangkumi teras cabang falsafah ilmu yang melibatkan bidang keilmuan

**391** **Formula Ar Rahman (Pemurah) dan Ar Rahim (Kasih Sayang): Kajian Rintis Persepsi Pelajar Ketika Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Terdapat Pensyarah Baik dan Garang.**

kajian kemanusiaan, Sains Tabii dan Sains Sosial. Ia adalah untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar dalam pelbagai bidang di peringkat global (Endut dan lain-lain, 2019).

Sehingga kini, terdapat dua puluh (20) buah Universiti Awam di seluruh negara terdiri daripada lima (5) Universiti Penyelidikan, empat (4) Universiti Komprehensif dan sebelas (11) Universiti Berfokus. Tidak terkecuali bagi pendaftaran Institut Pengajian Tinggi Swasta yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang merekodkan pada tahun 2020 sahaja sebanyak 437 buah dari pelbagai peringkat kategori Universiti, Kolej Universiti, Kampus Cawangan Universiti Luar Negara dan Kolej. Turut direkodkan, sejumlah 104 kolej komuniti dan 36 politeknik di seluruh Malaysia.

Dr. Norma Mansor (2014) dalam kenyataan surat khabar berita harian bertarikh 4 Disember 2014, bertajuk “Malaysia mampu berperanan sebagai hab pendidikan global” menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia sungguh membanggakan dan berpotensi untuk Malaysia menjadi hab pendidikan serantau cemerlang. Menurut Laporan Statistik Pelajar dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, buat masa ini ada hampir 100,000 pelajar dari luar negara yang sedang mengikuti pelbagai bidang pengajian di universiti dan kolej di Malaysia.

Menurut Dr. Norma Mansor (2014) lagi, kerana kos sara hidup yang rendah, masyarakat yang berbilang kaum, kemudahan asimilasi pelajar antarabangsa, kestabilan politik dan keunikan Malaysia sebagai tempat pelancongan yang menarik, telah menyebabkan Malaysia dilimpahi dengan pelajar antarabangsa. Beliau juga mengingatkan bahawa dengan adanya ramai pelajar asing, ada sesetengah mereka mengambil kesempatan seperti melibatkan diri dengan pelacuran, pengubahan duit haram dan lain-lain kegiatan yang tidak bermoral. Hal ini perlu dikawal dan dipantau oleh pihak berwajib terutamanya daripada pihak berdaftar universiti itu sendiri. Dalam aspek yang lain, budaya yang dibawa bersama mereka turut memberi kesan kepada kawasan setempat dan juga di universiti tersebut. Secara tidak langsung sedikit sebanyak ia menjadi ikutan kepada pelajar Malaysia sekiranya tidak diingat dan dipantau sehari-harian.

Malaysia yang berbilang kaum, dengan kepelbagaian budaya dan agama telah mencorakkan rakyat Malaysia yang dinamik dan “diverse” dalam pelbagai aspek. Dari sekecil urusan sehinggalah ke peringkat global. Perkembangan ini dipengaruhi oleh proses pembelajaran dari peringkat sekolah rendah sehinggalah ke universiti. Satu kajian oleh Deni dan lain-lain (2021) menganalisis bahawa pelajar antarabangsa yang belajar di Malaysia mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri di Malaysia. Kajian tersebut menunjukkan bahawa pelajar antarabangsa mengalami kesukaran untuk berkomunikasi dengan pelajar tempatan kerana masalah untuk memahami bahasa inggeris, walaupun begitu program-program ataupun kerja kursus yang disediakan dalam Mata Pelajaran Umum lebih-lebih lagi secara berkumpulan menyebabkan masalah komunikasi dapat diatasi oleh mereka. Jesteru itu, walaupun terdapat kelemahan dari segi komunikasi, aspek keterbukaan dan kesediaan pelajar tempatan serta nilai sopan santun yang terdidik telah menyebabkan masalah ini dapat diatasi oleh pelajar antarabangsa dengan menyesuaikan diri mereka.

Satu tinjauan perlu dilakukan setelah modul MPU diterapkan untuk melihat keberkesannya yang lebih holistik dan bertepatan dengan masa kini mencabar. Suatu kajian rintis berdasarkan soal selidik dijalankan untuk melihat keberkesanan konsep pemurah dan kasih sayang dalam pembelajaran masa kini antara guru dan pelajar bagi memantapkan lagi hubungan dan komunikasi pelajar di peringkat universiti yang merangkumi pelajar tempatan dan antarabangsa. Kajian rintis ini dibincangkan pada bahagian seterusnya.

### **Permasalahan Kajian**

Sistem pendidikan yang disediakan Malaysia abad ke-21 telah mempengaruhi daya fikir, kreativiti, komunikasi, serta mempengaruhi kearifan profesional guru-guru dengan menerapkan pelbagai pendekatan dalam pengajarannya (Arbaa dan lain-lain, 2017). Dunia globalisasi yang penuh dengan cita rasa yang berbeza semakin menyebabkan minda dan pemikiran terdedah kepada pelbagai nilai (Muhamad dan Jaafar, 2021). Pendedahan kepada pelbagai nilai positif (mahmudah) dan nilai negatif (mazmumah) dalam masyarakat era dunia bercorakkan tanpa sempadan telah memasuki minda anak-anak dari kecil. Hal ini telah mempengaruhi

**393**    **Formula Ar Rahman (Pemurah) dan Ar Rahim (Kasih Sayang): Kajian Rintis Persepsi Pelajar Ketika Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Terdapat Pensyarah Baik dan Garang.**

cara mereka berfikir dan belajar. Anak-anak perlu dididik dengan mematuhi setiap disiplin yang telah tersedia di sekolah rendah dan menengah. Walaupun begitu, apabila menjejakkan kaki ke peringkat pengajian tinggi, pelajar diberi kebebasan untuk merancang dan menentukan cara belajar, memilih kawan sendiri, kelas pelajaran dan aktiviti sosial dan lain-lain lagi. Dari suatu sudut yang positifnya, ia telah memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka dunia yang lebih mencabar. Dalam masa yang sama, pelajar terdedah kepada faktor-faktor luaran yang liar dan nilai-nilai norma kehidupan yang pelbagai sama ada baik atau sebaliknya. Pelajar yang matang dan bijak dalam menguruskan masa mereka pastinya mampu untuk menentukan urusan harian mereka sebaiknya. Hal ini dapat dilihat berdasarkan nilai-nilai yang telah mereka pelajari sejak dari bangku sekolah lagi.

Tidak terkecuali apabila berdepan dengan guru yang garang, pelajar mula menilai dan membuat pilihan walaupun guru yang tersebut mempunyai pengalaman dan ilmu yang baik. Hal ini kerana, pada peringkat universiti pelajar boleh memilih subjek kesukaan mereka, dengan siapa yang mereka ingin belajar, kelas mana yang mereka ikuti sepanjang sesi semester berlangsung.

Persoalannya, adakah dengan sifat pemurah dan kasih sayang yang ada pada guru/pensyarah masih relevan dan bertepatan dengan alam pendidikan di peringkat pengajian tinggi? Apakah penerimaan pelajar terhadap guru yang garang dalam pelajaran mereka?

### **Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini ialah untuk mengetahui pendekatan sifat pemurah dan kasih sayang dalam kaedah pengajaran peringkat pengajian tinggi khususnya peringkat diploma berbanding dengan guru yang garang.

### **Persoalan Kajian**

Antara persoalan kajian:

1. Apakah sifat pemurah dan kasih sayang diterjemahkan semasa sesi pembelajaran?

Muhammad Remy Othman, Abdul Rahim Othman, Sayidah Asma Basir, 394  
Amin Che Ahmat, Mohd Afifuddin Mohamad

2. Adakah penerimaan sifat pemurah dan kasih sayang dalam pembelajaran di peringkat tinggi masih diterima dalam sesi pembelajaran?
3. Apakah penerimaan pelajar terhadap guru yang garang?
4. Apakah pelajar suka menghadiri ke kelas apabila berhadapan dengan guru yang garang atau sebaliknya?

### **Kajian Terdahulu:**

#### **Konsep Kasih Sayang dalam kehidupan**

Hasil kajian oleh Muhammad Zahari Awang (2014) menunjukkan amalan kasih sayang sangat ditekankan dalam al-Quran dan ia menjadi amalan Nabi SAW serta para sahabat baginda. Kajian beliau juga memberikan perbincangan bahawa sifat rahiman mampu membentuk individu dan masyarakat yang harmoni. Tambahan pula, beliau menyatakan sekiranya ketiadaan sifat kasih sayang ia akan melahirkan manusia yang keras dan kasar hatinya, sekaligus berpendapat ia memberikan kesan kepada masyarakat dari aspek kesusahan dan bencana.

Siti Norlina dan lain-lain (2004) telah mencatatkan bahawa kehancuran sesuatu tamadun berpunca daripada kegagalan menanamkan nilai-nilai murni kepada generasi penyambung, tamadun tersebut adalah seperti tamadun Mesir, Parsi, Rome dan Greek. Oleh itu setiap individu masyarakat, terutamanya pendidik dari pelbagai peringkat mesti memastikan pelaksanaan pendidikan mempunyai pegangan hidup yang mantap, murni dan bersepadu. Bagi merealisasikan konsep masyarakat penyayang, sikap tidak berlaku adil, mementingkan diri sendiri, meminta orang lain memenuhi kehendak diri yang hanya menguntungkan diri sendiri sahaja perlu diubah. Sekiranya sesebuah masyarakat itu berjaya menyimbangkan keperluan diri sendiri dan masyarakat sekeliling akan lebih menerapkan nilai-nilai murni di dalam kehidupan seharian mereka, maka sudah tentu negara akan dapat mewujudkan individu sebuah masyarakat yang matang berbudaya penyayang.

**395**    **Formula Ar Rahman (Pemurah) dan Ar Rahim (Kasih Sayang): Kajian Rintis Persepsi Pelajar Ketika Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Terdapat Pensyarah Baik dan Garang.**

### **Sifat Pemurah dan Kasih Sayang dalam Pembelajaran**

Menurut Saadon dan lain-lain (2016), pendidikan di alam Melayu secara tidak formal bermula dari sekolah pondok pada kurun ke-18. Mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah pondok adalah lebih luas merangkumi Usul Fiqh (Sains dan Hukum), Tauhid, Hadis, Sejarah Islam, Tasawur, Mantiq, Faraid, dan Bahasa Arab. Hubungan antara guru dan pelajar dalam pengajian pondok adalah sangat rapat dan berasaskan kasih sayang dan rasa hormat yang tinggi. Hubungan berasaskan rasa kasih sayang dan hormat ini menyebabkan pendidikan menjadi teratur serta menjadi ikutan para pelajar selepas mereka tamat pengajian. Guru dalam sistem pengajian pondok berperanan sebagai pendidik bukan sekadar pengajar yang hanya menyampaikan ilmu tetapi juga berusaha membentuk akhlak pelajar. Guru di sekolah pondok tidak mengutamakan kemewahan sebaliknya mengutamakan kesederhanaan dan keredaan Allah SWT, sangat membantu dalam membentuk akhlak mulia dan pandangan hidup yang jelas dalam kalangan pelajar di sekolah pondok.

Nilai Kasih sayang terus digarapkan dalam amalan pembelajaran seperti Komuniti Pembelajaran Professional (KPP) pada peringkat nasional dengan cara menghormati dan memuliakan guru. Perkara ini telah diterapkan pada peringkat awal persekolahan. Hal ini untuk memastikan aspek kepada hasil supaya murid belajar, mempunyai budaya kolaborasi dan juga sentiasa ada tumpuan kepada hasil. Malah, budaya ilmu yang dianjurkan ini selari dengan ajaran Islam yang lebih menyeluruh yang melibatkan hak individu, Allah dan alam. Dalam penulisan Foord dan Haar (2008) ada menjelaskan penghormatan dan kemuliaan yang diberikan kepada guru adalah berasaskan kemanusiaan. Hal tersebut disebabkan manusia perlu kepada kasih sayang dan penghargaan di atas usaha mereka berbentuk risiko yang dihadapi dan bersikap inovatif dalam usaha untuk mencapai pengajaran yang berkesan (Foord & Haar 2008).

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan Panduan Pelaksanaan Guru Penyayang. Tujuannya adalah agar guru mengamalkan dan membudayakan sikap kasih sayang di sekolah. Antara konsepnya adalah perbuatan atau perlakuan menyayangi, mengasihi, dan bersifat belas

kasihan serta menghormati orang lain. Ini bermakna Guru Penyayang adalah seorang yang memiliki sifat kepedulian (*concern*) terhadap setiap perkara yang berkaitan dengan muridnya (*every child matters*) dengan cara mengamalkan nilai kasih sayang, bersikap mesra, mengambil berat, berbudi bahasa, saling menghormati, sentiasa ceria, prihatin dan sabar.

Dalam laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 Ringkasan Eksekutif Terdapat 11 anjakan yang dinyatakan anjakan yang ke-3, iaitu Melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai. Mengapa ia perlu? kerana murid hari ini akan mewarisi dunia yang penuh dengan cabaran hebat, termasuklah kemusnahan alam sekitar dan konflik senjata. Kejayaan mengharungi segala cabaran ini bukan sahaja memerlukan murid yang mempunyai kemahiran memimpin, tetapi juga nilai murni sejagat seperti integriti, belas kasihan, adil dan penyayang bagi membimbing mereka dalam membuat keputusan yang beretika. Pada masa yang sama, pembangunan identiti nasional yang kukuh perlu diimbangi dengan pembangunan warganegara yang global.

Pada 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mula merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT). Dalam pelan tersebut Kementerian akan terus menjadikan Falsafah Pendidikan Negara sebagai asas kepada pendidikan seimbang untuk membangunkan aspirasi pelajar. Kementerian memberi penekanan untuk mengimbangi antara ilmu dan akhlak. Aspirasi pelajar dalam PPPM (PT) mempunyai enam atribut: (1) etika dan kerohanian, (2) kemahiran memimpin, (3) identiti nasional, (4) kemahiran bahasa, (5) kemahiran berfikir, dan (6) pengetahuan. Untuk mencapai keenam-enam atribut ini, Kementerian membahagikan kepada dua bahagian, peringkat Pengajian Tinggi dinyatakan “Etika dan kerohanian”. Beretika dan bermoral dalam erti kata mempunyai kerohanian mantap, penyayang dan prihatin; menghayati pembangunan mampan dan gaya hidup sihat. Hal ini sejajar dengan peringkat rendah dan menengah, pelajar telah mempunyai asas moral yang kukuh dan keberanian membuat keputusan yang betul.

### **Definisi Tajuk**

Tajuk ini dapat diperincikan kepada tiga bahagian seperti berikut:

**397** Formula Ar Rahman (Pemurah) dan Ar Rahim (Kasih Sayang): Kajian Rintis Persepsi Pelajar Ketika Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Terdapat Pensyarah Baik dan Garang.

*Bahagian pertama:*

Formula Ar Rahman (Pemurah) dan Ar Rahim (Kasih Sayang), tema ini dipilih berdasarkan sifat Pemurah dan Kasih Sayang yang disebut oleh Imam Al-Ghazali harus diterapkan dan ditekankan oleh guru selalu pemimpin dengan cara melahirkan rasa simpati, tidak merasa beban, perlu merasai kewajipan mendidik serta merasakan tugas mengajar adalah amanah yang memberikan hasil berganda di akhirat kelak. (Mohamad dan Sahad, 2014). Dengan adanya sifat sabar ini dalam kehidupan setiap manusia maka akan terserlahlah sifat kasih sayang dalam kehidupan manusia. Ilmu itu sebenarnya diturunkan mengikut orang yang menyampainya. Oleh itu sifat kasih sayang adalah tarbiah dan didikan yang paling tepat dalam mengubah sifat manusia dan budaya hidup.

*Bahagian kedua:*

Kajian Rintis Persepsi Pelajar Ketika Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) merupakan kaedah mendapatkan data secara peringkat awal ataupun rintis kajian dengan membuat perbandingan antara sampel kajian untuk dikembangkan seterusnya pada dengan sampel dari pelbagai bidang krusus dan juga peringkat pengajian (Salihan & Arshad, 2020).

*Bahagian ketiga:*

Maksud Terdapat Pensyarah Baik dan Garang. Tema ini dipilih berdasarkan nilai kasih sayang dan pemurah yang ingin dicapai dalam kajian. Tema baik dan garang merupakan dua tema yang berlainan untuk memberikan kefahaman berbeza bagi pelajar. Sebelum kajian ini dijalankan, pelajar diterangkan dahulu perbezaan antara garang dan tegas. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, istilah garang bermaksud tegas, lekas menyerang, bengis, suka marah-marah. Istilah tegas pula adalah bermaksud menjelaskan sesuatu yang terang dan jelas tanpa ragu-ragu.

Pelajar didedahkan dahulu dengan beberapa artikel dan kajian antaranya adalah bertajuk “Garang dibenci, tegas disayangi” terbitan harian metro yang disiarkan pada Mei 29, 2015. Pelajar perlu memahami beberapa contoh yang diberikan untuk membezakan antara tindakan dari

Muhammad Remy Othman, Abdul Rahim Othman, Sayidah Asma Basir, 398  
Amin Che Ahmat, Mohd Afifuddin Mohamad

guru yang garang dengan tindakan daripada guru yang tegas. Setelah diberi penerangan, barulah diedarkan soal selidik untuk pelajar.

## **Kepentingan Kajian**

### **Kepentingan kajian kepada Pentadbir dan Pengurusan**

Adalah diharapkan kajian ini akan memberikan manfaat kepada pentadbir dan pengurusan untuk menilai pendekatan yang harus diberikan kepada pelajar peringkat tinggi. Dengan menyusun aktiviti yang bersesuaian dan memberikan rancangan pendidikan dalam skop yang terkini, dalam masa yang sama mengekalkan momentum falsafah pendidikan negara Malaysia.

### **Kepentingan kajian kepada Pengajar**

Dapatan hasil kajian ini, akan memberikan kesan positif kepada pengajar sentiasa bersifat pemurah dan penyayang agar terus mendidik dan mendokong aspirasi Pendidikan negara. Nilai kajian ini membuktikan bahawa pendekatan sifat pemurah dan sifat kasih sayang masih relevan dan bersesuaian walaupun pelajar sudah di peringkat pengajian tinggi dan harus dikekalkan dalam sesi pembelajaran.

## **Metodologi Kajian**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan instrumen soal selidik. Data yang dikumpulkan akan dianalisis dengan membandingkan ketiga-tiga tempat pengajian tinggi yang terpilih. Kajian telah dijalankan pada bulan 12, 2019 dan berakhir pada bulan 4, 2020.

### **Populasi dan sampel kajian**

Populasi seramai 150 dipilih secara rawak melibatkan pelajar peringkat diploma.

Sampel dipilih berdasarkan tiga jenis institusi yang pelbagai:

**399** **Formula Ar Rahman (Pemurah) dan Ar Rahim (Kasih Sayang): Kajian Rintis Persepsi Pelajar Ketika Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Terdapat Pensyarah Baik dan Garang.**

1. INSTITUSI A - sampel pelajar 100% adalah *non* muslim dan di Bandar.
2. INSTITUSI B - sample pelajarinya 100% muslim dan di Luar Bandar.
3. INSTITUSI C - Pelajar 100% muslim dan Luar Bandar.

**Instrumen Kajian**

Instrumen kajian adalah berbentuk soal selidik. soal selidik yang diedarkan mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A dan B. *Bahagian A*, responden akan memilih skala likert seperti jadual 1 apabila soalan ditetapkan dalam soal selidik. *Bahagian B*, responden hanya perlu memilih antara pensyarah baik ataupun garang.

**Jadual 1:** Pengelasan pemeringkatan skala Likert dengan markah skor.

Skala Likert	Skor
Sangat Bersetuju	1
Setuju	2
Neutral	3
Tidak bersetuju	4
Sangat Tidak Bersetuju	5

Soal Selidik- Terdapat 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B seperti berikut:

*Bahagian A:* Mempunyai 9 soalan. Responden akan memilih skala likert. Soalan berkisar kepada keinginan pelajar untuk belajar dalam dua keadaan, kelas pensyarah garang ataupun kelas pensyarah yang baik. Soalan adalah seperti berikut:

1. Saya belajar lebih cepat dengan pensyarah yang selalu memarahi saya
2. Saya lebih faham di dalam kuliah yang tertekan
3. Saya akan selalu hadir kelas jika pensyarah garang
4. Saya lebih minat untuk belajar dengan pensyarah garang

Muhammad Remy Othman, Abdul Rahim Othman, Sayidah Asma Basir, 400  
Amin Che Ahmat, Mohd Afifuddin Mohamad

5. Saya berminat untuk bertanya soalan di dalam kelas kepada pensyarah yang garang
6. Saya akan bersapa dengan pensyarah yang garang di luar kelas
7. Tugas yang diberikan oleh pensyarah yang garang adalah mudah
8. Saya teruja untuk membuat tugas yang diberikan oleh pensyarah yang garang
9. Lebih senang untuk lulus dengan pensyarah yang garang

*Bahagian B* – Terdapat satsu soalan secara umum. Responden perlu menjawab persoalan berikut:

Pada pendapat kamu, adakah kamu perlu pensyarah yang baik atau pensyarah yang garang?

### **Penganalisan Data**

Kebolehpercayaan soal selidik dianalisis dengan menggunakan Program *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 17.0 for windows diubah suai berdasarkan Salihan & Arshad (2020) dan diterjemahkan dengan bantuan diagram.

### **Hasil Dapatan Kajian**

#### **SPSS**

Kebolehpercayaan soal selidik diproses dengan menggunakan Program *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 17.0 For Window*. Dapatan menunjukkan nilai yang diperolehi adalah 0.952. Ini menunjukkan bahawa set soal selidik ini boleh digunakan dalam kajian sebenar kerana menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi.


Dapatan bagi set soalan soal selidik bagi **Bahagian A** dan **B**.

#### **Bahagian A**


**Jadual 2:** Skala likert untuk 9 soalan berdasarkan jumlah responden yang memilih bagi 3 jenis Institusi IICS, IKMAS dan UiTM.

**401**      **Formula Ar Rahman (Pemurah) dan Ar Rahim (Kasih Sayang): Kajian Rintis Persepsi Pelajar Ketika Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Terdapat Pensyarah Baik dan Garang.**

Skala Likert Persoalan/Kolej	Sangat Bersetuju			Setuju			Neutral			Tidak bersetuju			Sangat Tidak Bersetuju		
	IICS	IKMAS	UiTM	IICS	IKMAS	UiTM	IICS	IKMAS	UiTM	IICS	IKMAS	UiTM	IICS	IKMAS	UiTM
1.Saya belajar lebih cepat dengan pensyarah yang selalu memarahi saya	1	1	0	11	8	1	19	17	13	4	14	24	15	10	12
2.Saya lebih faham di dalam kuliah yang ter-tekan	0	1	0	4	2	1	18	7	13	13	22	24	15	18	12
3.Saya akan selalu hadir kelas jika pensyarah garang	1	4	6	11	12	14	19	20	20	4	8	5	15	6	5
4.Saya lebih minat untuk belajar dengan pensyarah garang	3	1	0	8	3	9	18	22	17	11	20	18	10	4	6
5.Saya berminat untuk bertanya soalan di dalam kelas kepada pensyarah yang garang	2	2	0	4	7	1	18	13	17	12	17	23	14	11	9
6.Saya akan bersapa dengan pensyarah yang garang di luar kelas	7	2	2	7	13	13	18	20	23	9	10	8	9	5	4
7.Tugasan yang diberikan oleh pensyarah yang garang adalah mudah	4	1	1	1	1	1	27	29	26	8	16	17	8	5	5
8.Saya teruja untuk membuat tugas yang diberikan oleh pensyarah yang garang	4	1	0	3	2	4	19	22	24	14	17	16	10	8	6
9.Lebih senang untuk lulus dengan pensyarah yang garang	2	1	2	4	2	6	24	21	22	12	23	12	8	3	8




**Gambarajah 1:** Soalan 1- Saya belajar lebih cepat dengan pensyarah yang selalu memarahi saya.




**Gambarajah 2:** Soalan 2- Saya lebih faham di dalam kuliah yang tertekan.


**403** Formula Ar Rahman (Pemurah) dan Ar Rahim (Kasih Sayang): Kajian Rintis Persepsi Pelajar Ketika Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Terdapat Pensyarah Baik dan Garang.




**Gambarajah 3:** Persoalan 3- saya akan hadir kelas jika pensyarah garang.



**Gambarajah 4:** – Persoalan 4 – saya lebih minat untuk belajar dengan pensyarah garang.




**Gambarajah 5:** Persoalan 5– Saya berminat untuk bertanya soalan di dalam kelas kepada pensyarah yang garang.




**Gambarajah 6:** Persoalan 6- saya akan bersapa dengan pensyarah yang garang di luar kelas.

**405** Formula Ar Rahman (Pemurah) dan Ar Rahim (Kasih Sayang): Kajian Rintis Persepsi Pelajar Ketika Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Terdapat Pensyarah Baik dan Garang.




**Gambarajah 7:** Persoalan 7 - Tugas yang diberikan oleh pensyarah yang garang adalah mudah.



**Gambarajah 8:** Persoalan 8 - Saya teruja untuk membuat tugas yang diberikan oleh pensyarah yang garang.

Muhammad Remy Othman, Abdul Rahim Othman, Sayidah Asma Basir, 406  
Amin Che Ahmat, Mohd Afifuddin Mohamad




**Gambarajah 9:** Persoalan 9- Lebih senang untuk lulus dengan pensyarah yang garang

**407** Formula Ar Rahman (Pemurah) dan Ar Rahim (Kasih Sayang): Kajian Rintis Persepsi Pelajar Ketika Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Terdapat Pensyarah Baik dan Garang.

**Bahagian B.**

Pada pendapat kamu, adakah kamu perlu pensyarah yang baik atau pensyarah yang garang?



**Gambarajah 10:** Persoalan - Pada pendapat kamu, adakah kamu perlu pensyarah yang baik atau pensyarah yang garang.

**Perbincangan**

Daripada Gambarajah 1, menunjukkan bahawa 11 pelajar IICS memilih setuju lebih berdasarkan persoalan cepat belajar dengan pensyarah yang selalu marah berbanding dengan IKMAS 8 pelajar, 24 Pelajar UiTM memilih tidak bersetuju belajar dalam kelas pensyarah yang selalu memarahi mereka.

Berdasarkan Gambarajah 2 yang persoalan “lebih faham di dalam kuliah yang tertekan” menunjukkan, 28 pelajar IICS, 40 pelajar IKMAS dan 36 pelajar UiTM dari 50 pelajar memilih skala tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju.

Gambarajah 3 pula ini menunjukkan skala setuju dan neutral lebih dipilih pelajar. Pelajar akan tetap hadir ke kelas yang penyarahnya garang. Gambarajah 4, taburan bilangan pelajar lebih kepada tidak setuju dan neutral dalam menjawab persoalan minat belajar dengan pensyarah garang. Seramai 11 pelajar IICS, 20 pelajar IKMAS dan 18 pelajar UiTM, memilih tidak bersetuju dalam minat untuk belajar kelas pensyarah yang garang. Hal ini akan menyebabkan kehadiran pelajar akan berkurangan setelah dimarah oleh pensyarah.

Bagi Gambarajah 5 pula, pelajar lebih memilih tidak bersetuju dalam menjawab persoalan ini dengan jumlah keseluruhan pelajar bagi ketiga – tiga institut berjumlah 48 pelajar memilih menjawab neutral berbanding 52 pelajar memilih tidak bersetuju dan 34 pelajar memilih sangat tidak bersetuju.

Walaupun pelajar menghadiri kelas pensyarah yang garang, mereka tetap akan bertegur sapa di luar kelas, berdasarkan bilangan 33 pelajar setuju akan bertegur sapa berbanding 27 pelajar memilih tidak bersetuju. Dan seramai 11 sahaja memilih tidak menegur sapa pensyarah di luar kelas dengan bilangan tertinggi adalah dari Institut IICS seramai 7 orang, dan hanya 2 pelajar masing-masing dari IKMAS dan UiTM cawangan Perak.

Kesimpulannya berdasarkan Gambarajah 1, 2 dan 3, pola pelajar akan tetap hadir ke kuliah yang penyarahnya garang, tetapi pelajar akan merasa tertekan dan menyebabkan sesi pembelajaran mereka berkurangan dan menyebabkan kurang memahami matapelajaran tersebut akibat tekanan. Berdasarkan jenis tugas dan keterujuaan pelajar menerima tugas dari pensyarah yang garang menunjukkan skala yang hampir sama dengan bilangan pelajar memilih separuh daripada pelajar memilih neutral, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju bagi persoalan 7, 8 dan 9, bagi ketiga-tiga institusi. Selain itu, “persoalan mudah untuk lulus di kelas pensyarah yang garang”, menunjukkan pelajar akan menyiapkan tugas yang diberikan tetapi telah meletakkan penanda aras mereka susah untuk lulus.

Berdasarkan Gambarajah 10, hanya 9 pelajar memilih pensyarah garang berbanding 141 pelajar memilih pensyarah yang baik dalam sesi pembelajaran mereka bagi ketiga-tiga institusi IICS, IKMAS dan UiTM.

**409**    **Formula Ar Rahman (Pemurah) dan Ar Rahim (Kasih Sayang): Kajian Rintis Persepsi Pelajar Ketika Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Terdapat Pensyarah Baik dan Garang.**

**Kesimpulan**

Hasil dapatan keseluruhan kajian ini membuktikan, sifat yang baik seperti pemurah dan penyayang masih diperlukan oleh pelajar peringkat tinggi. Pelajar lebih selesa untuk hadir ke kuliah pensyarah yang baik berbanding pensyarah yang garang. Apabila ditegur dengan cara yang betul, pastinya pelajar akan lebih menghargainya.

Guru ataupun pensyarah penyayang melahirkan pelajar yang berbudi bahasa. Hal ini bertepatan dengan aspirasi nasional untuk melahirkan generasi yang holistik, berdaya saing dan berakhlak mulia. Pepatah melayu mengatakan, “sukakan gaharu kerana baunya, sukakan guru kerana ilmunya” jadilah guru yang sabar dan penyayang, menjadi contoh teladan yang baik untuk membentuk generasi mendatang. Pelajar lebih sukakan pendekatan kelas suasana yang harmoni, tidak berasa tertekan dan gembira berbanding dengan suasana kelas yang sentiasa dimarahi guru yang garang. Apabila pelajar melakukan kesalahan ia patut ditegur dengan cara berhikmah pastinya memberikan impak yang lebih baik kepada pelajar tersebut dan menjadi contoh teladan pada masa hadapan.

**Penghargaan**

Terima kasih kepada para pelajar IICS (Institusi A), IKMAS (Institusi B), UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah (Institusi C) kerana sudi menjawab soalan yang diedarkan.

**RUJUKAN**

- Arbaa, R., Jamil, H., & Ahmad, M. Z. (2017). Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad Ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Malaysia* 42(1), 1-11.
- Deni, A.R., Tumar, A., Houghton, A.-M. and Crosling, G.M. (2021). Is all well? Academically successful international students in Malaysia. *International Journal of Educational Management*, Vol. 35 No. 3, pp. 655-667. <https://doi.org/10.1108/IJEM-07-2019-0259>

**Muhammad Remy Othman, Abdul Rahim Othman, Sayidah Asma Basir, 410  
Amin Che Ahmat, Mohd Afifuddin Mohamad**

Diakses di laman sesawang pada 13 Januari 2020 di <https://www.mohe.gov.my/ms/muat-turun/awam/penerbitan-dan-jurnal/pppm-2015-2025-pt>

Diakses pada 8 Jun 2021 di laman sesawang Kementerian Pengajian Tinggi di <https://www.mohe.gov.my/institusi/universiti-awam/kategori-ua>

Diakses pada 8 Jun 2021 di laman sesawang Kementerian Pengajian Tinggi di <https://www.mohe.gov.my/>

Endut, N. A., Amin, R., Mohamad, A. N., & Din, H. A. M. (2019). Impak Mata Pelajaran Umum Dari Kaca Mata Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis). *e-Bangi*, 16(2).

Foord, K. A., & Haar, J. M. (2008). *Professional learning communities: An implementation guide and toolkit*. Larchmont, NY: Eye on Education.

Ghani, M. F. A., Radzi, N. M., Kenayathulla, H. B., Sirah, S., Crow, G. C., & Elham, F. (2013). Komuniti pembelajaran profesional menurut perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*, Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia, 5(2), 27-52.

Kementerian Pendidikan Malaysia. Panduan Pelaksanaan Guru Penyayang. Diakses di laman sesawang pada 20 Januari 2020 di <http://praktikum.upsi.edu.my/Files%20Storage/LM/Guru%20Penyayang.pdf>

Mohamad, A. S., & Sahad, M. N. (2014). Teori Kepimpinan Guru dalam Pendidikan Berasaskan Pemikiran al-Ghazali: Satu Perbandingan dengan Teori Kepimpinan Pendidikan Barat. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 163-196.

Muhamad Zahiri Awang Mat. (2014). *Rahiman: Tonggak Pendidikan dan Keutuhan Institusi Keluarga dan Sosial*. Kertas kerja ini dibentangkan di Wacana Keputeraan Sultan Muhammad V Tahun 1436H/2014M. dengan tema Rahiman: Pencetus Keamanan Sejagat di Dewan Dato' Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM),

**411** **Formula Ar Rahman (Pemurah) dan Ar Rahim (Kasih Sayang): Kajian Rintis Persepsi Pelajar Ketika Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Terdapat Pensyarah Baik dan Garang.**

Bangi, Selangor pada 16 dan 17 November 2014 anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan.

Muhamad, N. A. F., & Jaafar, N. (2021). Teacher Character across Levels of Study: Application of the 5 M Concept/Watak Pendidik Merentas Tahap Pengajian: Aplikasi konsep 5 M. *Sains Humanika*, 13(2).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025: Ringkasan Eksekutif E24. Diakses di laman sesawang pada 20 Januari 2020 di <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-ExecSummary-BM.pdf>

Saadon, R., Ariffin, K., & Saat, I. (2016). Perkembangan Pendidikan orang Melayu di Malaya sebelum kemunculan Western-Type-Education. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 8(2), 79 - 96.

Salihan, S., & Arshad, K. (2020). Tahap Kepuasan Pelanggan Terhadap Perkhidmatan Usahawan Inap Desa Di Melaka. *Jurnal Dunia Perniagaan*, 2(4), 51-65.

Selanjutnya di: <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/10/2017/07/21405/malaysia-mampu-berperanan-sebagai-hab-pendidikan-global>

Siti Norlina Muhamad, Ahmad Kilani Mohamed, Zulkifli Haron & Siti Aisyah Abdul Rahman. (2004). Budaya penyayang dalam kehidupan masyarakat Islam: Antara teori dan praktis. Diakses pada 21 Jun 2020 dari <http://repo.uum.edu.my/1804/1/7.pdf>.